Halamam Kaum Ibu:

HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

Untuk perhatian pembaca-pembaca di bawah ini dipetik sebuah makalah daripada sebuah buku yang pertama Kisah 1001 Tahun karangan Tuan Haji XXXXX Ibrahim Ketua Bahagian Pendidikan Agama XXXXXX ini XXXXXXX mendapat perhatian ibu-ibu kita tentang di mana tempatnya wanita di dalam Islam. Oleh kerana moleknya maka Insya-Allah buku ini akan dicetak dengan huruf jawi kerana telah ada persetujuan daripada pengarangnya dengan kita –P.

ISLAM DAN WANITA

Sebelum mempelajari bagaimana pandangan Islam terhadap wanita baiklah sejenak kita memandang keadaan wanita sebelum Nabi Muhammad (SAW) diutus Tuhan.

Seperti kejadian pada tempat-tempat yang lain, demikian pula di sekeliling negeri Arab orang mampu lakukan wanita itu XXXXX sahaja haknya dirampas dan wanita itu dipandang sebagai benda atau alat permainan lelaki sahaja.

Wanita tidak berhak dalam harta pusaka malah wanita XXXXXXXXX diwarisi dari satu tangan ke tangan yang lain XXXXX boleh buat sekehendak hatinya terhadap anak yang perempuan. Boleh disedekahkan boleh dihadiahkan dan boleh pula dikadikan atau dipergunakan untuk membayar hutang.

Yang lebih kejam ialah yang tidak memberi kemenangan hidup terhadap anak perempuan. Di hari ia lahir di hari itu juga ia dikuburkan, dipindahkan sahaja dari rahim ke liang lahad hidup-hidup.

Semuanya itu bukan lagi dipandang perbuatan yang ngeri dan kejam tetapi telah menjadi telah menjadi kebiasaan yang dilakukan disetujui oleh segenap kabilah dan kampung.

Setelah Nabi Muhammad (SAW) diutus Tuhan baharulah sifat itu berubah dengan jalan beransur-ansur.

Mulanya Nabi melakukan perkahwinan pertama kali dengan Khadijah iaitu seorang janda yang telah berumur 40 tahun dan Nabi ketika itu baharu berusia 25 tahun. Jika orang memandang wanita yang telah janda itu tidak ada harganya lagi tetapi bagi Nabi Muhammad (SAW) pandangan orang itu dibalikkannya hal itu sebelum Nabi Muhammad (SAW) menerima XXXXXXXX.

Setelah Nabi Muhammad (SAW) menerima wahyu dari Tuhan maka dengan giat sekali beliau merubah kelakuan yang kasar terhadap wanita itu.

Di tengah-tengah masyarakat yang merampas hak wanita itu beliau XXXXXXX wahyu Tuhan: "Wahai manusia! Takutlah kepada Tuhan Tuhan yang telah menjadikan kamu dari diberi yang satu dan ia jadikan diri itu akan isterinya. Kemudian dari XXXXXXX berkembang biak turunnya yang banyak lelaki dan perempuan.

Dengan XXXX itu dipenuhkan bahawa tidaklah berlebih kurang XXXXXXXX lelaki dan wanita sebab ia satu asal dan satu keturunannya.

Di mana orang mengkuburkan anak perempuan hidup-hidup XXXXXXX Nabi menyampaikan kata Tuhan: Ingatlah! XXXXXX akan bertanggungjawab: Apakah dosanya anak perempuan itu makanya dia kamu bunuh.

seolah-olah ayat itu menempelak pekerjaan mereka yang rendah dan hina yang berlaku secara kejam dan ganas terhadap anak perempuan. Ayat mana akhirnya dijelaskan oleh Imam Ghazali dengan katanya: "Tidak patut seorang gembira kerana dapat anak lelaki dan bersedih hati kerana mendapat anak perempuan: sebab belum tentu manakah yang akan mendatangkan kebaikan di kemudian hari"

Anak itu adalah rahmat daripada Tuhan, tidak berubah lelaki atau perempuan. Tetapi sayang dan sedih sekali, di zaman atom ini masih ada ketinggalan perbuatan Jahiliyah itu, iaitu masih ada orang yang merasa besar hati dengan anak lelaki dan berkecil hati dengan anak perempuan pada hal telah sama dipandang dengan mata kepala sendiri bukanlah yang baik itu dari anak lelaki dan yang buruk dari anak perempuan sahaja. Tetapi buruk baik itu mungkin dari yang lelaki dan mungkin pula dari yang perempuan.

Lebih jauh Rasulullah berkata: "Siapa yang mempunyai anak perempuan diasuh dan dididiknya baik-baik, dicukupkan maka minumnya, maka anak itu kelak akan menjadi betara kana dan kiri yang mengiringkannya ke dalam syurga".

Dari sahabat atas ada diriwayatkan bahawa Rasulullah berkata: "Siapa yang membawa makanan untuk anak-anaknya, hendaklah samakan antara anak lelaki dan anak perempuan dan hendaklah dimulai memberi kepada anak perempuan."

Dari beberapa ayat dan hadis itu diperoleh keterangan bahawa Islam tidak membeza-bezakan antara anak lelaki dengan anak perempuan, dan tidak ada berlebih kurang antara keduanya. Malah dalam perkataan Nabi yang mengatakan "Hendaklah dimulai memberi kepada anak perempuan" ada terselit satu hikmah yang halus, iaitu menyuruh supaya anak perempuan itu lebih diutamakan sebab ia berpembawaan lemah dan berperasaan yang sangat halus.

Ketika beliau akan wafat dengan suara yang sayup-sayup kedengaran beliau mengatakan: "Perhatikan baik-baik akan wanita itu sebab mereka adalah tangan kananmu". Di lain riwayat beliau berkata "Sebab mereka itu adalah belahan dirimu".

Ketika seorang bertanya kepada Rasulullah bahawa ia hanya mempunyai harta yang sangat sedikit, tidak cukup untuk berbakti kepada ayah dan ibu. Tetapi hanya untuk seorang sahaja, maka kepada siapakah harus dahulukan kepada ayah atau kepada ibu, maka Rasulullah menjawab "kepada ibu".

Kedatangan Nabi Muhammad (SAW) sungguh-sungguh memperbaiki dan membetulkan perhatian alam yang telah salah terhadap wanita.

Mulanya wanita Ibnu tidak berhak mendapat harta pusakam, malah dia yang harus dijadikan pusaka, maka untuk mengikis habis perangai yang keji itu, beliau di hadapan orang yang melakukan perbuatan itu membacakan wahyu Tuhan: "Kaum lelaki berhak dalam harta pusaka yang ditinggalkan oleh ibu bapa atau sanak famili; dan wanita pun berhak pula dalam harta pusaka tersebut biar sedikit pusaka itu atau banyak menurut bahagiannya yang telah ditentukan".

Ketika satu kabilah melakukan kebiasaan mereka terhadap wanita, iaitu bila seorang lelaki meninggal dunia, bekas isterinya harus akan menjadi hak milik famili dari suami itu maka Rasulullah pergi ke sana membawa wahyu Tuhan yang melarang perbuatan tersebut; Tuhan mengatakan: "Hai manusia! Tidak halal (tidak boleh) bagi kamu mempusakai wanita itu, itu adalah paksaan yang semena-mena terhadap mereka".

Setengah dari yang dibiasakan juga bila seorang lelaki menceraikan isterinya kerana hendak beristeri yang lain, maka segala harta benda yang telah diberikannya kepada isteri yang dahulu itu diambil dan dilipatnya habis tandus.

Untuk menghilangkan kebiasaan yang di luar batas ini diturunkan wahyu Tuhan: "Bila kamu hendak menukar isterimu dan kepada isteri lama itu telah kamu berikan harta benda, maka janganlah kamu ambil kembali apa yang telah kamu berikan itu; bila kamu ambil juga, itu adalah satu dosa dan penganiayan yang seterang-terangnya".

Nabi Muhammad (SAW) telah berjasa memperbaiki nasib

wanita sejak dari anak-anak sampai kepada orang tua bangka hingga tiada berapa tahun sahaja berubahlah pandangan umat terhadap wanita, dari kehinaan kepada kemuliaan.

Hina sungguh dalam pandangan Islam siapa yang merendahkah darjat wanita dan akan mulialah satu umat bila darjat wanitanya dipertinggi. Sebagaimana hadis Rasulullah yang maksudnya: "Siapa yang meninggikan wanita itulah orang yang mulia dan siapa yang menghinakan wanita adalah orang yang hina".

Pandangan umat yang rendah terhadap wanita sebelum kedatangan Nabi Muhammad (SAW) maka setelah lahir Islam pandangan itu bertukar seperti pertukaran malam dengan siang.

Hilanglah semua penderitaan yang menimpa wanita, lenyap perasaan menguburkan anak perempuan hidup-hidup. Hilang adat yang memperlalukan wanita dengan semena-mena. Hancur lebur kelakuan umat yang menjadikan wanita barang warisan. Hapus tandus perkosaan hak yang dilakukan kepada wanita. Telah menjadi mulia randa yang selama ini dipandang benda yang tidak berharga. Bertukar seksaan dengan penghargaan yang selaras dan setimpal!

Jika dahulunya suara wanita boleh didengar tetapi jangan diperhatikan maka dengan kedatangan Islam wanita dibawa sehilir semudik, diajak memperkatakan soal-soal yang sulit rumit, didengar dan diperhatikan dengan minat perkataan dan pendapat wanita.

Dengan keadaan yang demikian, umat yang liar dan biadab itu dalam masa yang singkat sahaja telah menjadi satu umat yang mulia dan disegani. Sebab wanitanya telah berharga, dan dapat melahirkan putera dan puteri yang bermutu tinggi yang sanggup menjadi tiang kemajuan. Tidak hairan jika dalam masa yang kurang dari 25 tahun umat Muhammad (SAW) telah menjadi umat yang baik.

Siapa yang mengatakan bahawa Nabi Muhammad (SAW) itu adalah seorang yang merendahkan darjat wanita. Itu adalah semata-mata kerana belum menyelami lautan sejarah penghidupan beliau dengan sedalam-dalamnya atau kerana kejahilannya tentang Islam terhadap wanita.

Kemudian beberapa abad di belakang, sepeninggal Muhammad (SAW) iaitu setelah umat kembali merendahkan darjat wanita menjadikan wanita itu halwa selera. Maka kemunduran yang lama itu kembali muncul di tengah-tengah mereka.

Kerana salah satu dari sebab kemajuan yang dibawa Nabi Muhammad (SAW) itu adalah dengan mempertinggi darjat wanita. Maka setelah umat dibelakang beliau menghilangkan sebab tersebut, maka kemajuan pun turut pula hilang lenyap seperti awan ditiup angin lembubu.

Bila kita perhatikan kemunduran umat Muhammad (SAW) salah satu sebabnya akan ditemui bahawa umat itu tidak lagi memelihara hak-hak wanita yang telah ditentukan Tuhan telah ditukar dengan yang hak mereka buat-buat sahaja.

Benar kata orang: "Rama-rama Si Kumbang jati- Raja indah pulang membajak; patah tumbuh hilang berganti- sejarah tetap mengulang jejak."

Selama nasib wanita tidak diperbaiki, selama haknya dirampas dan dirompak, selama ketentuan Tuhan tidak dilakukan terhadap wanita maka selama itu kebahagiaan bersama belum akan tercapai. Bukankah Nabi Muhammad (SAW) telah melahirkan kata saktinya: "Wanita itu tiang negara; bila mereka baik akan baiklah negara itu dan bila mereka rosak. Negara pun turut rosak."

Kebaikan dan kerosakan wanita itu adalah menurut ketentuan hak mereka yang telah ditentukan Tuhan.

Islam bukan sahaja melepaskan wanita dari rantai penderitaan yang lebih kuat dari rantai waja itu, tetapi juga memberi kedudukan yang menghiasi dunia. Kerana keindahan dunia itu adalah dengan pengetahuan, maka Islam menghasung wanita supaya berlumba-lumba dalam lapangan pengetahuan itu tegak sama tinggi duduk sama rendah dengan lelaki.

Rasulullah mengatakan: Menuntut pengetahuan itu fardhu bagi kaum lelaki dan wanita. Di sini tidak ada lebih kurang lelaki dari wanita tidak ada Rasul memperbezakan ilmu mana hak lelaki dan mana pula yang hak wanita. Tetapi ilmu

(sambungan pada muka 46)